

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH
[BESUT]
TARIKH : 23 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 12

DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [BESUT] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini berkaitan projek pembinaan *High Dependency Ward* di Hospital Besut.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa berusaha untuk menambahbaik penyampaian perkhidmatan kesihatan di seluruh negara. Projek pembinaan *High Dependancy Ward* Hospital Besut secara tender terbuka telah diiklankan pada 27 Ogos 2019.

Tarikh tutup tender adalah pada 8 Oktober 2019 dan Surat Setuju Terima (SST) dijangka akan dikeluarkan kepada petender yang berjaya pada 20 Disember 2019.

Fasa pembinaan dijangka akan mengambil masa selama dua tahun bermula pada Januari 2020 dan siap pada Januari 2022.

Sekian, terima kasih.